

## PEREKA UMS 2022 angkat martabat inovasi penyelidik untuk masyarakat

UB 06.12.2022 P.08

**KOTA KINABALU:** Pertandingan Rekreasi (PEREKA) 2022 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi platform kepada ahli penyelidik dan akademik mempamerkan hasil penyelidikan dan inovasi masing-masing.

Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj Mansor, berkata sebanyak 196 inovasi dipertandingkan tahun ini, iaitu peningkatan 55 peratus daripada penyertaan PEREKA UMS pada 2021.

Katanya, peningkatan penyertaan itu memberi gambaran baik terhadap usaha UMS membudayakan inovasi dalam kalangan kakitangan, khususnya pensyarah.

“Penganjuran PEREKA 2022 selaras peranan UMS dalam memimpin masyarakat untuk berinovasi sehingga dapat diiktiraf di peringkat global.

“Ia juga menyediakan jaringan perhubungan antara pihak industri sama ada dalam atau luar negara, dan ia merupakan strategi UMS meningkatkan kualiti dan kerelevanan penyelidikan,” katanya.

Tambah Kasim, PEREKA konsisten itu merupakan petunjuk bahawa UMS amat menekankan budaya kecemerlangan penyelidikan dan inovasi sebagai salah satu bidang keberhasilan utama selaras dengan Pelan Transformasi UMS 2050 dan Pelan Strategik UMS 2023-2027 yang bakal dilancarkan awal tahun depan.

Majlis penutupan PEREKA 2022 disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan.

Menurut Abdul Rahman, penyelidikan yang dilaksanakan perlu mengambil kira faktor-faktor signifikan yang mampu menyelesaikan permasalahan masyarakat dan negara.

Katanya pujian perlu diberikan kepada UMS kerana terus



**TERBAIK:** Rossita dan ahli kumpulan menerima Anugerah Terbaik Keseluruhan PEREKA 2022.



**LAWAT:** Abdul Rahman sempat berkunjung ke pameran Inovasi PEREKA 2022.

nya dalam bidang sains dan teknologi, tanpa melupakan bidang sains sosial dan kemanusiaan.

“Gabungan dan keseimbangan disiplin ilmu, antara pemodenan dengan tradisi, membolehkan proses kesinambungan dalam perubahan bangsa dapat menjadi penentu kepada pembinaan sebuah peradaban bangsa moden, dari perspektif yang diinginkan.

“Kini, universiti menjadi salah satu daripada komponen ekosistem masyarakat, memberi pengukuhan kepada masyarakat di persekitaran, negara dan dunia global.

“Seharusnya kewujudan universiti amat perlu dirasai kehadirannya dan kehilangan fungsinya, akan amat dirasai kerugiannya oleh masyarakat

Tambah beliau, selain memiliki para intelektual yang berupaya mendidik insan berkualiti tinggi, universiti juga harus mampu membina gagasan dan idea bermakna bagi memimpin negara menyelesaikan pelbagai permasalahan semasa.

“Selain menjalankan penyelidikan untuk meneroka ilmu, membina kepakaran dan menuntun kepimpinan intelektual, masih banyak ruang dalam penyelidikan yang boleh dikembangkan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Para akademia perlu mengubah pemikiran daripada ‘ilmu untuk ilmu’ kepada ‘ilmu untuk masyarakat dan negara’.

“Hala tuju penyelidikan perlu selari dengan isu dan permasalahan semasa, yakni \*

mampu menjadi penyelesaian persoalan yang dihadapi oleh masyarakat dan negara amnya. Penyelidikan usahlah hanya tampak hebat atau terhenti di lembaran artikel ilmiah atau di makmal, sebaliknya mampu memberi manfaat sejagat,” katanya lagi.

Abdul Rahman turut menyeru agar para penyelidik dapat mengadakan penyelidikan yang menggabungkan pelbagai bidang, menjalinkan kerjasama dengan komuniti setempat dan pihak industri.

Pada pertandingan itu, inovasi makanan udang kara air tawar yang bertajuk ‘Cray-Dr. Rossita Shapawi (Ketua Projek), Ahmad Shahroom Mohd Shah, Saleem Mustafa, Abentin Estim, Nur Fatimah Abd Halid daripada Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS telah memenangi Anugerah Terbaik Kluster Pertanian dan Perhutanan, selain turut menerima Anugerah Terbaik Keseluruhan PEREKA 2022.

Manakala sebanyak 79 projek inovasi lain turut menerima pengiktirafan emas di PEREKA 2022.

PEREKA 2022 juga turut menyaksikan Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MOA) Perlesenan Pengkomersialan dua produk UMS bersama Biosain Technologies Sdn. Bhd. dan DrillTech Engineering Sdn. Bhd.